

31 MAY 1998

Mahathir-2020

MAHATHIR YAKIN WAWASAN 2020 TETAP JADI KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir malam ini melahirkan keyakinan bahawa wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju tetap akan menjadi kenyataan walaupun ada cubaan oleh pihak luar untuk merosakkan ekonomi negara ini sekarang.

Perdana Menteri percaya rakyat Malaysia akan bangun mempertahankan negara ini daripada dikuasai oleh pihak luar yang cuba untuk melemahkan ekonomi negara dan mengambil alih syarikat-syarikat besar di negara ini.

"Mereka boleh cuba, mereka boleh sekat, tetapi rakyat Malaysia akan bangun dan bersama-sama, daripada semua kaum, bangun dan mempertahankan kemerdekaan negara kita ini.

"Kita pertahankan negara kita ini dengan menunjuk bahawa kita cinta kepada negara kita ini dan kita akan meningkatkan kejayaan syarikat-syarikat kita melalui pembelian barangan buatan kita sendiri," katanya ketika berucap pada majlis persembahan "Semarakkan Semangat Cinta Malaysia" anjuran MCA di Dataran Merdeka di sini malam ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada MCA kerana menganjurkan kempen cintai Malaysia itu serentak dengan kempen belilah barangan Malaysia Dr Mahathir berharap kempen-kempen itu akan menyemarakkan semangat rakyat untuk bersama-sama mempertahankan negara.

"Saya harap dengan adanya kempen ini, kita akan terus mencintai Malaysia sebagai negara kita bersama dan kita akan berusaha berganding bahu antara semua kaum supaya negara kita ini akan dipertahankan daripada bakal penjajah yang cuba merosakkan ekonomi negara kita.

"Kerajaan akan berusaha bersama-sama dengan rakyat untuk membendung kegiatan asing ini dan memelihara negara kita dan membangunkan negara kita supaya rakyat semua hidup mewah, aman dan sejahtera," katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila rakyat negara ini membeli barangan buatan tempatan, mereka menunjukkan kepada dunia bahawa mereka cinta Malaysia dan sanggup berkorban sedikit sebanyak untuk mempertahankan ekonomi negara.

Beliau berkata, pihak luar menjatuhkan nilai matawang dan pasaran saham kerana mahu menjadikan Malaysia miskin untuk membolehkan mereka memasuki negara ini dan mengambil alih semua syarikat-syarikat di negara ini.

"Mereka menjatuhkan nilai saham supaya apabila mereka masuk mereka boleh beli syarikat kita dengan harga yang murah, mereka berhajat menguasai semua bank kita, syarikat-syarikat gergasi kita dan semua perusahaan kita dan kita akan menjadi pekerja kepada mereka sahaja, mereka akan jadi tuan dan kita akan jadi hamba kepada mereka,"

Dr Mahathir percaya rakyat Malaysia tidak ingin dijajah semula, sebaliknya ingin terus menikmati kebebasan yang telah dikecapi selama 40 tahun kerana sejak merdeka, pembangunan negara menjadi lebih pesat berbanding zaman penjajah dahulu.

"Lihatlah Kuala Lumpur, dulu bangunan yang terbesar ialah bangunan ini sahaja (sambil menunjuk ke arah kanan) bangunan Sultan Abdul Samad, inilah bangunan yang terbesar sekali di Kuala Lumpur dan di Malaysia.

"Tetapi hari ini kita lihat begitu banyak bangunan-bangunan milik rakyat, bukan milik kerajaan, yang begitu besar, begitu tinggi, begitu indah, semua ini kita buat sendiri, kita tidak pergi minta bantuan daripada mereka, duit kita, duit rakyat semua," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Menteri

Pengangkutan.
-- BERNAMA
AFY WAT